KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	20.06.22	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPSM			

50% hutan paya bakau diteroka

Kini keluasan hutan paya bakau negara hanya tinggal 620,000 hektar

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SHAH ALAM

Kira-kira 50 peratus hutan paya bakau negara sudah diterokai sebelum kemerdekaan.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr Wan Kamal Mujani berkata, pada masa ini negara hanya mempunyai 620,000 hektar keluasan hutan paya bakau.

"Dahulu (hutan paya bakau) dua kali ganda, tetapi itu kiraan termasuk sebelum kemerdekaan.

"Maksudnya selama ini saintis anggarkan kehilangan keluasan hutan bakau hampir 50 peratus," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Inisiatif Pemuliharaan Hutan Bakau Yayasan CIMB-UKM di Taman Alam Kuala Selangor di sini pada Ahad.

Wan Kamal berkata, bagi mengelakkan hutan paya bakau terus diceroboh, pelbagai usaha perlu dilakukan termasuk melindungi dan mengekalkan kawasan sedia ada.

"Kita perlu kenal pasti kawasan boleh dipelihara dan seterusnya membantu dengan kaedah masing-masing," jelasnya.

Beliau memberitahu, projek pembangunan terutama sektor pelancongan perlu memastikan ekosistem hutan paya bakau kekal terpelihara demi kelestarian alam sekitar pada masa depan.



Sebahagian peserta bergambar dalam Majlis Pelancaran Inisiatif Pemuliharaan Hutan Bakau Yayasan CIMB-UKM di Taman Alam Kuala Selangor pada Ahad.

Ujar beliau, sebarang projek yang ingin dilaksanakan di sesuatu kawasan itu perlu mengimbangi keperluan memelihara alam semula jadi dengan keperluan pembangunan.

"Dalam kita ingin merancakkan ekonomi, pada masa sama juga kita ingin memulihara dan menjaga ekosistem," tegas beliau.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan CIMB, Mohamed Rafe Mohamad Haneef berkata, program dengan kerjasama UKM itu adalah yang pertama di bawah pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar.

Ujar beliau, inisiatif itu sebagai usaha menjaga hutan bakau bagi membolehkan penyerapan karbon dioksida dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau serta menghadapi perubahan iklim di Malaysia.